



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2008
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah, Kita panjatkan syukur kehadharat Allah Subahanawataala kerana dengan izinnya jua kita melangkah ketahun baru masehi 2008 dan tahun Hijrah 1429 dengan suasana aman dan sejahtera. Dalam kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di Perwakilan Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

2. Jabatan Perdana Menteri juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga Perkhidmatan Awam atas sumbangan bakti dan perkhidmatan cemerlang yang mereka hulurkan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi yang dicurahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.

3. Sebagai menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk menjadikan tahun 2008 Tahun gembira: Tahun keamanan dan kemakmuran sebagaimana juga tahun-tahun yang sebelumnya, semangat kebangsaan dan nilai-nilai murni ini biarlah di pegang teguh dan ditagapi lagi ketahun baru dengan tekad yang lebih tinggi demi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dengan pembangunan ekonomi yang berterusan; kesejahteraan dan ketakwaan; serta keamanan dan keselamatan Negara.

4. Peranan Perkhidmatan Awam semakin penting lebih-lebih lagi dalam keadaan dimana pihak awam berharap benar, lebih daripada yang sudah-sudah, akan perkhidmatan awam yang lebih efisien dan efektif untuk menjamin penghidupan mereka dalam suasana dunia global dan persaingan yang semakin hebat. Kearah ini Perkhidmatan awam perlu menghalusi proses masing-masing bagi tujuan untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada orang awam dan memenuhi kehendak pelanggan, dengan memudah cara dan menjana peluang-peluang (creating opportunities) terutama dalam bidang perniagaan seperti yang dituntut oleh agama sekaligus membantu mengurangkan bebanan dan jurang perbezaan.

5. Sedar akan cabaran yang dihadapi terutama bagi meningkatkan daya saing, peningkatan pembangunan tenaga manusia dan penggunaan teknologi seperti e-government yang hendaknya berfokus kepada pelanggan (customer focus), akan terus diberi keutamaan sebagai usaha strategik dalam mencapai matlamat ini. Program-program latihan perlu dikemaskini dan dibentuk agar ianya lebih relevan dalam konteks Perkhidmatan Awam yang dinamik dan dapat mewujudkan kakitangan yang mahir dan peka kepada perubahan sekeliling dan mudah berinteraksi dengan pelanggan dengan professional. Program-program latihan hendaklah benar-benar mengikut kehendak pembangunan kakitangan dalam meningkatkan tahap pencapaian yang dihasratkan.


6. Usaha-usaha pembaikan organisasi dan meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia akan diteruskan lagi dengan adanya program *pengauditan kakitangan* sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam yang ke-14 pada 10 November 2007.



7. Satu aspek penting yang juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah perlunya persefahaman dan kemuafakatan antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi perkhidmatan awam. Alhamdulillah pada tahun 2007, Program Pensejajaran telah dapat dilaksanakan dimana Kementerian-Kementerian telah mengongsikan Perancangan Strategik masing-masing yang memperlihatkan usaha gigih dan pemikiran yang tinggi dalam penghasilannya. Adalah diharapkan mekanisma ini disamping mekanisma yang lain-lain, akan menjadi teras kepada pembentukan dasar yang bersepadu dan dinamik. Justeru itu, dengan adanya sokongan dan dorongan daripada semua Kementerian mekanisma ini akan terus disesuaikan dan diadaptasikan kepada keadaan semasa.

8. Dalam kita giat melaksanakan pembangunan, kita ingatkan diri kita kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pentingnya menjaga imej dan integriti Kerajaan Baginda dengan menjauhkan amalan-amalan yang tidak sihat dan perlakuan-perlakuan curang seperti rasuah yang berupaya untuk melemahkan mekanisma kerajaan dan menjadikannya pincang. Langkah yang baik ialah tindakan proaktif mengenggang sebarang tindak laku yang cuba mengail kita kepada gejala sosial ini.

9. Akhirnya, sekali lagi diucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Masehi 2008 dan tahun Baru Hijrah 1429 kepada semua warga Perkhidmatan Awam dan semoga Allah Subhanahu Wataala akan membalas niat yang baik dan segala kebajikan dengan keberkatan, kegembiraan, sihat walafiat dan dimurahkan rezeki. Selamat bertugas untuk Bangsa, Agama, Raja dan Negara. Semoga seluruh warga Perkhidmatan Awam akan sentiasa dibawah perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala.



[Dato Paduka Haji Mustappa bin Haji Sirat]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (1) JPM/SK/2008
Tarikh: 29 Zulhijjah 1428
08 Januari 2008